

## **PENGUATKUASAAN BURSA MALAYSIA TERHADAP PELANGGARAN SYARAT PENYENARAIAAN SYARIKAT PATUH SYARIAH**

**Ahmad Azam Sulaiman<sup>a\*</sup>, Mohd Fadhli Khalid<sup>b</sup> & Muhammad Adib Mohd Zaki<sup>c</sup>**

<sup>a</sup>*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

<sup>bc</sup>*Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

**A PEER-REVIEWED ARTICLE**

**(RECEIVED - MARCH 1, 2019; REVISED - MAY 1, 2019; ACCEPTED - JUNE 1, 2019)**

---

### **ABSTRACT**

The enforcement action taken by Bursa Malaysia against listed companies in breach of the Listing Requirements is the most effective method of educating investors in the capital market. The objective of the study is to study the enforcement relationship with the characteristics of corporate governance in the *Shariah*-compliant companies listed on Bursa Malaysia. 10 samples of *Shariah*-compliant companies that are subject to regulatory violations are used in analyzing the relationship of enforcement actions with the characteristics of corporate governance ie the Board and the Audit Committee. The aspects studied are the size of the Board, Board Members Independence, Frequency of Board meetings, independence and expertise of Audit Committee Members. The findings show that the Board Size and independence show the results of the analysis which are not in line with the findings of previous studies and best practices recommendations. While the results of the analysis for the Frequency of Meetings are positive and parallel as the previous study findings and best practice recommendations. This means that the frequent meetings of the Board will create a low risk for the company to make a violation of the Listing Requirements. In addition, the results of the analysis to show the effectiveness of the structure of the Audit Committee ie the independence and expertise of the Audit Committee members.

### **ABSTRAK**

Tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bursa Malaysia terhadap syarikat tersenarai yang melanggar Syarat-syarat Keperluan Penyenaraian adalah satu kaedah yang paling berkesan bagi mendidik para pelabur dalam pasaran modal. Objektif kajian adalah untuk mengkaji hubungan penguatkuasaan dengan ciri-ciri tadbir urus korporat di syarikat-syarikat patuh syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia. 10 sampel syarikat patuh syariah yang dikenakan tindakan di atas pelanggaran peraturan digunakan dalam menganalisis hubungkait tindakan penguatkuasaan dengan ciri-ciri tadbir urus korporat iaitu Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit. Aspek-aspek yang dikaji ialah saiz Lembaga Pengarah, Kebebasan Ahli Lembaga Pengarah, Kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah, kebebasan dan kepakaran Ahli Jawatankuasa Audit. Hasil dapatan kajian mendapati saiz dan kebebasan Lembaga Pengarah menunjukkan hasil analisis yang tidak selari dengan dapatan kajian terdahulu dan cadangan amalan terbaik (best practices). Manakala hasil analisis bagi kekerapan mesyuarat adalah positif dan selari seperti dapatan kajian terdahulu dan cadangan amalan terbaik (best practices). Ini bermakna kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga

---

\* Corresponding author: Ahmad Azam Sulaiman, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.  
E-mail: [ahmadazams@um.edu.my](mailto:ahmadazams@um.edu.my)

Pengarah akan mewujudkan risiko yang rendah untuk syarikat membuat pelanggaran terhadap Syarat-syarat Penyenaraian. Selain itu, hasil keputusan analisis bagi menunjukkan hubungkait keberkesanan struktur

---

*Kata kunci: Tindakan Penguatkuasaan, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit, Bursa Malaysia*

## **1. Pengenalan**

Bursa Malaysia bertanggungjawab untuk mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat tersenarai yang melanggar keperluan yang ditetapkan kerana pelanggaran terhadap Syarat Keperluan Penyenaraian akan memberi risiko menjejaskan hak-hak dan perlindungan pelabur serta integriti pasaran. Di bawah Syarat Keperluan Penyenaraian, tindakan penguatkuasaan akan dirujuk terlebih dahulu terhadap Lembaga Pengarah syarikat sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan menyelia aktiviti syarikat. Antara tindakan penguatkuasaan yang di ambil oleh Bursa Malaysia dalam bentuk penalti atau sekatan adalah teguran sama ada secara peribadi atau awam, denda, tindakan pemulihan (latihan mandatori atau kajian terhad ke atas penyata kewangan), penggantungan dan dinyahsenarai. Bursa Malaysia akan mengambil kira beberapa faktor dalam menentukan tindakan penalti atau sekatan terhadap ahli lembaga pengarah. Faktor-faktor ini termasuklah keadaan dan impak pelanggaran, latar belakang syarikat, pelanggaran ini melibatkan kepentingan awam dan impak pelanggaran itu terhadap pasaran modal (Bursa Malaysia, 2018).

Objektif penubuhan Bursa Malaysia antaranya dalam menjalankan tanggungjawab untuk melindungi pelabur. Sehubungan dengan itu, Bursa Malaysia juga telah mengeluarkan pelbagai peraturan bagi menetapkan syarat untuk diikuti oleh syarikat-syarikat. Dalam masa yang sama, mentadbir dan memantau pematuhan peraturan serta mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas dan pantas secara objektif atas pelanggaran peraturan yang ditetapkan (Bursa Malaysia, 2018). Bagi tujuan tersebut, Bursa Malaysia telah menetapkan peraturan Keperluan Penyenaraian (Listing Requirements) kepada semua syarikat yang disenaraikan yang perlu dipatuhi. Berdasarkan peraturan yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia, Keperluan Penyenaraian menjadi salah satu ketetapan penting bagi melindungi pelabur, memastikan ketelusan dan mengekalkan tadbir urus yang tinggi agar para peserta pasaran (market player) boleh mengambil bahagian dalam pasaran dengan yakin. Selaras dengan ini, Bursa Malaysia melihat sebarang pelanggaran terhadap Keperluan Penyenaraian adalah satu kesalahan yang serius dan tindakan penguatkuasaan diambil untuk melindungi pelabur serta mengekalkan integriti pasaran (Zaini & Ruhaznawati, 2017).

Dalam memastikan hak pelabur dan mengekalkan integriti pasaran, Bursa Malaysia melaksanakan tugas statutori dan prosiding, tindakan penguatkuasaan serta undang-undang bagi memastikan tindakan ini dapat memberi kesan terhadap syarikat melalui tindakan penguatkuasaan. Hal ini, bertujuan agar tiada lagi pelanggaran peraturan yang ditetapkan pada masa depan. Tindakan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif yang diambil oleh pihak Bursa Malaysia untuk mendidik para peserta pasaran agar sentiasa mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian yang ditetapkan. Di samping itu juga, ia dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran pasaran yang lebih baik dan memupuk standard yang baik bagi tadbir urus dan urusan perniagaan di pasaran (Bursa Malaysia, 2018). Dari aspek pelabur, ini mewujudkan satu keyakinan bahawa pasaran modal dilaksanakan secara teratur, baik dan mempunyai tadbir urus yang tinggi. Tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bursa Malaysia telah memberi kesan kepada syarikat dan juga pasaran. Apabila Bursa Malaysia mengumumkan tindakan awam di ambil terhadap syarikat, pasaran saham syarikat terbabit akan menunjukkan maklumbalas negatif. Ia akan memberi kesan kepada penurunan nilai syarikat, reputasi dan prestasi syarikat serta boleh mewujudkan risiko kerugian kepada pemegang saham (Zaini & Ruhaznawati, 2017).

Tindakan penguatkuasaan dapat dikurangkan dan dielakkan melalui pemantauan yang berkesan daripada Ahli Lembaga Pengarah. Amalan tadbir urus korporat yang baik akan dapat memastikan tanggungjawab di semua peringkat yang berbeza dalam syarikat dan menggariskan peraturan dan prosedur untuk membuat keputusan, kawalan dalaman dan pengurusan risiko (Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, 2017). Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (business plan) yang mantap dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Selain daripada itu, Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.

## 2. Latar belakang

Syarat-syarat Penyenaaraian Bursa Malaysia sama ada di Pasaran Utama atau Pasaran ACE adalah satu panduan yang mempunyai prosedur dan tatacara penyenaaraian oleh syarikat, tatacara tadbir urus dalam mengendalikan pasaran saham dan peruntukan-peruntukan lain yang mesti dipatuhi oleh syarikat tersenarai. Pihak Bursa Malaysia yang berperanan sebagai pegawai selia aktiviti pasaran modal telah menetapkan bahawa semua Syarat-syarat Penyenaaraian perlu dipatuhi oleh semua stakeholders iaitu syarikat pemohon, syarikat tersenarai, pengurusan syarikat, pemegang amanah, Ahli Lembaga Pengarah, pegawai, penasihat dan pihak-pihak lain yang berkaitan. Kegagalan syarikat untuk patuh kepada Syarat-syarat Penyenaaraian akan dikenakan tindakan. Antara keperluan umum yang digariskan oleh Bursa Malaysia untuk dipatuhi adalah seperti berikut:

**Jadual 1. Prinsip umum yang perlu dipatuhi dalam syarat-syarat penyenaaraian**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>
1.	Semua pemohon dikehendaki menyimpan rekod-rekod operasi yang berkualiti dalam tempoh yang secukupnya.
2.	Syarikat tersenarai hendaklah memaklumkan kepada para pelabur dan orang awam tentang maklumat-maklumat yang boleh memberi kesan yang signifikan terhadap harga, nilai dan aktiviti pasaran. Maklumat berkenaan mestilah tepat, lengkap dan diberikan pada masa yang sepatutnya.
3.	Semua pemegang saham dilayan dengan adil dan saksama.
4.	Lembaga Pengarah, pegawai dan penasihat syarikat tersenarai, pengurusan syarikat hendaklah mengekalkan standard integriti, kebertanggungjawaban dan tadbir urus korporat yang tinggi.
5.	Pengarah syarikat tersenarai akan bertindak bagi kepentingan pemegang saham.

Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia

Seperti yang dinyatakan dalam Bab 16, Bab D Syarat-syarat Penyenaaraian, kegagalan syarikat tersenarai untuk mematuhi akan menyebabkan tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab. Antara tindakan penguatkuasaan adalah seperti surat amaran, denda, penggantungan, penyahsenaaraian (de-listing) dan sebarang tindakan lain yang difikirkan sesuai bergantung kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti. Berdasarkan maklumat di dalam laman sesawang Bursa Malaysia pada bulan April 2018 menyatakan tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran yang berkaitan dengan aspek berikut:

**Jadual 2. Aspek-aspek tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>
1.	Kelewatan mengemukakan laporan kewangan yang tepat dalam masa yang ditetapkan
2.	Kelewatan dalam membuat pengumuman penting seperti kegagalan membayar kemudahan

- 
3. Kredit yang material, litigasi yang material,
  3. Kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat tadbir urus korporat.
  4. Syarat-syarat bagi transaksi pihak yang berkaitan.
- 

Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia

Kickpatric and Lockhart (2007) menyatakan hasil daripada tindakan penguatkuasaan akan memberi kesan kepada pelbagai pihak yang melakukan pelanggaran. Ianya memberi satu signal awal kepada Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat tentang tanggungjawab dan peranan serta risiko yang akan berlaku sekiranya terdapat pelanggaran peraturan. Adalah didapati, kesan tindakan penguatkuasaan memberi impak negatif di mana ia menyebabkan harga saham syarikat diniagakan secara negatif (Zaini & Ruhaznawati, 2017). Penguatkuasaan ini turut memberi kesan kepada keyakinan pelabur bahawa syarikat-syarikat terlibat beroperasi dalam keadaan yang kurang baik seterusnya boleh menyebabkan penurunan nilai syarikat.

Sehubungan dengan ini, bagi memastikan syarikat tersenarai dapat mematuhi keperluan syarat-syarat dalam Syarat-syarat Penyenaraian dan tidak melakukan kesalahan yang boleh membawa kepada tindakan penguatkuasaan, maka tadbir urus korporat yang berkesan dan mantap perlu dilaksanakan dalam sesebuah syarikat (Bursa Malaysia, 2018). Berdasarkan teguran Bursa Malaysia terhadap syarikat-syarikat yang dikenakan tindakan penguatkuasaan pada tahun 2014 hingga 2017 adalah berkaitan dengan tadbir urus korporat. Maklumat di laman sesawang Bursa Malaysia bagi statistik penguatkuasaan terhadap “Public Enforcement on Company or Advisor” dan “Public Enforcement on Director and Individual” bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017, menunjukkan jumlah yang turun naik pada setiap bilangan syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah yang dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana melanggar garis panduan yang ditetapkan. Antara teguran Bursa Malaysia adalah seperti di Jadual 1 berikut:

**Jadual 3. Teguran Bursa Malaysia terhadap syarikat tersenarai yang melanggar syarat-syarat penyenaraian**


Bil	Perkara
1.	Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan syarikat tersenarai patuh kepada Syarat-syarat Penyenaraian.
2.	Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan dan mengekalkan piawaian tanggungjawab korporat dan akauntabiliti kepada pemegang saham dan pelabur.
3.	Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat hendaklah program latihan yang berkaitan dengan pematuhan kepada Syarat-syarat Penyenaraian terutamanya bagi pelaporan penyata kewangan.
4.	Ahli Lembaga Pengarah berkebolehan untuk menyemak dan menilai aspek kewangan dan perakaunan dan hendaklah memastikan keberkesanan dasar dan prosedur syarikat berkenaan dalam pelaporan kewangan dan pelaksanaannya.
5.	Ahli Lembaga Pengarah akan dipertanggungjawab bagi pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian.
6.	Ahli Lembaga Pengarah hendaklah memastikan sistem pelaporan dan pengawasan/ fungsi kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan. Ini adalah penting untuk memastikan maklumat yang dikemukakan adalah tepat dan boleh dipercayai.
7.	Keperluan bagi syarikat tersenarai untuk menubuhkan dan mengekalkan fungsi audit dalaman kerana ia memainkan peranan penting dalam tadbir urus tadbir dan risiko dan kawalan yang berkesan bagi sebuah syarikat tersenarai.

Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia

Berdasarkan amalan terbaik yang dinyatakan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2017), tanggungjawab Lembaga Pengarah antaranya adalah menetapkan sasaran strategik syarikat, memastikan sumber-sumber yang diperlukan sedia ada untuk syarikat mencapai objektifnya dan menyemak prestasi

pengurusan. Selain itu, Lembaga Pengarah harus memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab. Merujuk kepada kes Satyam Fiasco oleh Mark Yuen Teen (2012), menyatakan kelemahan proses tadbir urus korporat oleh Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan syarikat dan juruaudit luaran untuk memantau dan mengenalpasti aktiviti yang dilakukan oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya sehingga menjatuhkan antara syarikat terbesar di India. Beliau berpandangan sekiranya Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang berstatus bebas (independent director) adalah kompetan dan berkemampuan melaksanakan fungsinya, masalah yang berlaku di Satyam boleh di elakkan.

Kajian yang dilaksanakan oleh Zaidi & Ruhaznawati (2017) menyatakan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Bursa Malaysia didalam pemantauan terhadap pematuhan Syarat-syarat Penyenaraian adalah satu tindakan awal untuk memberi pengajaran kepada syarikat. Ini merupakan satu penambahbaikan terhadap tadbir urus korporat. Sehubungan dengan ini, amalan tadbir urus korporat yang baik akan dapat mewujudkan pengurusan yang berkesan dan boleh mengurangkan risiko ketidakpatuhan Syarat-syarat Penyenaraian. Secara keseluruhannya, kerangka kerja kawal selian tadbir urus di Bursa Malaysia adalah seperti di rajah 1. Bursa Malaysia wajib untuk mematuhi segala keperluan undang-undang atau peraturan yang dinyatakan dibawah Securities Laws, Companies Act 1965 dan Bursa Malaysia Listing Requirement. Manakala prinsip-prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia adalah amalan terbaik yang dicadangkan untuk dipatuhi walaupun ianya bukan satu kewajipan bagi diikuti.



Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia  
**Rajah 1. Kerangka kerja kawal selian tadbir urus di Bursa Malaysia**

### 3. Permasalahan kajian

Bursa Malaysia diberi kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat disenaraikan dan pengarah kerana melanggar Syarat-syarat Penyenaraian. Seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Undang-Undang Bursa Malaysia Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana syarikat yang gagal mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian (LR) Bursa Malaysia. Ini sejajar dengan ketekalan Bursa Malaysia sebagai pengendali pasaran dalam memastikan bahawa semua syarikat tersenarai mematuhi rangka kerja itu dengan berkesan (Utusan Malaysia, 2007).

Tanpa tindakan penguatkuasaan yang tegas, boleh menyebabkan lebih banyak kesalahan-kesalahan dilakukan oleh syarikat-syarikat tersenarai. Sebagai contoh mengenai dakwaan ketidak wajaran berkaitan dengan dua syarikat tersenarai iaitu Transmile Bhd. dan Southern Bank Bhd.(SBB). Moores Rowland Risk Management, mendedahkan bahawa penyata hasil dan keuntungan sebelum cukai Transmile bagi 2005 dan 2006 telah terlebih nyata. Keuntungan Transmile sepanjang tempoh 2 tahun telah terlebih nyata berjumlah RM530 juta. Sekiranya rekod kewangan ini diselaraskan semula, Transmile akan mengalami kerugian sebelum cukai pada kedua-dua tahun ini masing-masing berjumlah RM120 juta dan RM126

juta. Sementara itu, Pricewaterhouse Coopers (PwC) melaporkan aset bersih syarikat SBB pada akhir 2005 telah dinyatakan berlebihan sebanyak kira-kira RM160 juta (Utusan Malaysia, 2007)

Peranan Ahli Lembaga Pengarah termasuk pembahagian tanggungjawab dan kuasa terhadap Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Syarikat. Di samping itu, komposisi Ahli Lembaga Pengarah berstatus bebas (Independent) dan bukan bebas (Non-Independent) serta kompetensi dan pengetahuan lembaga pengarah akan dapat memastikan aktiviti pengurusan syarikat beroperasi dengan baik (RenÉE B. Adams, Benjamin & Michael, 2010). Dengan pemantauan yang konsisten daripada lembaga pengarah dimana isu-isu penting syarikat berkaitan kawalan dalaman syarikat dan prestasi kewangan dibincangkan secara terperinci. Ia dapat meningkatkan kualiti perakaunan dalam penyediaan laporan kewangan. Ini secara tidak lansung dapat mengurangkan risiko berlakunya pelanggaran pada Syarat-syarat Penyenaraian. Oleh demikian Ahli Lembaga Pengarah sesebuah syarikat dapat melaksanakan tanggungjawabnya iaitu dengan memastikan tiada pelanggaran kepada peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa (Zaidi & Ruhaznawati, 2017)

Sepertimana dapatan kajian yang dijalankan oleh Mahmoud M. Nourayi (1994) menyatakan bahawa tindakan penguatkuasaan yang di ambil oleh Securities and Exchange Commission (SEC) telah memberi kesan kepada nilai saham dan prestasi syarikat. Ini kerana ia dapat menimbulkan persepsi dan andaian oleh para pelabur apabila mengetahui syarikat terlibat dikenakan tindakan penguatkuasaan. Kajian lepas juga, melihat perhubungan antara pengaruh Ahli Lembaga Pengarah dengan prestasi firma (Roslina, Selamat & Norman, 2015). Berdasarkan statistik dari laman sesawang Bursa Malaysia bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017 menunjukkan statistik jumlah tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bursa Malaysia terhadap “Public Enforcement on Company or Advisor” dan “Public Enforcement on Director and Individual” menunjukkan jumlah turun naik seperti di Jadual 4.

**Jadual 4. Statistik jumlah tindakan penguatkuasaan oleh Bursa Malaysia di bawah kategori “public enforcement on company or advisor” dan “public enforcement on director and individual” bagi tahun 2014 hingga 2017**

Tahun	Jumlah Tindakan Penguatkuasaan		Jumlah
	“Public enforcement on company or advisor”	“Public enforcement on director and individual”	
2014	12	10	22
2015	11	7	18
2016	12	9	21
2017	8	5	13
Jumlah	43	31	74

Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia

Berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan penurunan jumlah tindakan yang ketara adalah pada tahun 2017. Ini menunjukkan tahap pematuhan syarikat-syarikat tersenarai pada Syarat-syarat Penyenaraian semakin baik. Antara faktor penurunan ini disebabkan penambahbaikan oleh Bursa Malaysia terhadap Listing Requirement selaras dengan pelancaran Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang baharu pada tahun 2017. Mengikut pernyataan Bursa Malaysia (2018), tindakan penguatkuasaan adalah satu kaedah yang sesuai untuk mendidik syarikat-syarikat bagi memastikan kepatuhan pada Listing Requirement.

#### 4. Ulasan kajian lepas dan kerangka kerja konseptual

Bursa Malaysia sentiasa membuat penambahbaikan kepada keperluan penyenaian bagi meningkatkan kualiti syarikat-syarikat tersenarai di bursa tersebut. Pada tahun 2014, Bursa Malaysia telah membuat pindaan pada Syarat-syarat Penyenaian di Pasaran ACE dan pada tahun 2017, Bursa Malaysia telah mengeluarkan syarat penyenaian baru dan pelbagai peraturan telah dipinda bagi pasaran Leading Entrepreneur Accelerator Platform (LEAP). Semua keperluan penyenaian (listing requirement) perlu dipatuhi oleh syarikat untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat dan melindungi kepentingan pelabur. Antara Keperluan Penyenaian adalah syarikat dikehendaki mengemukakan dan mendedahkan semua maklumat dengan tepat dan lengkap yang boleh memberi kesan yang material terhadap harga, nilai dan aktiviti pasaran saham. Selain itu, syarikat syarikat hendaklah menyimpan rekod-rekod operasi yang berkualiti dalam tempoh yang ditetapkan. Kualiti maklumat dan rekod-rekod operasi ini adalah dipengaruhi oleh tahap pematuhan syarikat kepada Syarat-syarat Penyenaian. Peranan dan fungsi Lembaga Pengarah amat penting bagi memantau pengurusan syarikat agar semua Keperluan Penyenaian (listing requirement) dipatuhi.

Tim, Razva, Christian (2014) telah membuat satu dapatan bahawa tindakan penguatkuasaan yang lebih kerap yang dilaksanakan oleh Securities and Exchange Commission's (SEC) (USA) telah memberi kesan positif terhadap pasaran wang. Adalah didapati tindakan penguatkuasaan ini menyebabkan peningkatan bilangan syarikat untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan serta keyakinan para pelabur dalam pasaran sekuriti. Bagaimanapun, kajian oleh Porta et al (2006) memberi pandangan yang berbeza bagi kesan terhadap tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh agensi penguatkuasa bagi pasaran sekuriti. Kajiannya mendapati tiada kesan atau impak yang ketara hasil tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan.

Beberapa kajian lepas yang lain turut membuktikan bahawa tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh agensi bertanggungjawab telah dapat memastikan komitmen syarikat untuk patuh terhadap peraturan yang ditetapkan. Zaidi dan Ruhaznawati (2017) dalam kajiannya menyatakan tingkah laku pematuhan oleh syarikat tersenarai di New Zealand terhadap Syarat-syarat Penyenaian New Zealand Stock Exchange (NZX) adalah lebih tinggi berbanding pematuhan kepada Statements of Standard Accounting Practice (SSAP) and International Financial Reporting Standards (FRS). Ini disebabkan pemantauan dan penguatkuasaan yang ketat daripada agensi penguatkuasa NZX. Di samping itu, tadbir urus dalaman syarikat dan persekitaran tadbir urus luaran juga dapat mempengaruhi pematuhan syarikat terhadap keperluan pendedahan.

Penguatkuasaan merupakan salah satu mekanisme terbaik di dalam memberi pengajaran kepada syarikat agar mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada tahun 2017 telah membuat penambahbaikan terhadap Kod Amalan Tadbir Urus Korporat Malaysia bagi mengukuhkan budaya korporat berdasarkan akauntabiliti dan ketelusan. Ini bagi menghasilkan kejayaan perniagaan dan ekonomi dalam tempoh jangka panjang. Namun tanggungjawab ini terletak kepada Lembaga Pengarah (Utusan, 2017).

Lembaga Pengarah adalah struktur paling penting dalam mekanisme tadbir urus korporat. Antara tugas lembaga pengarah yang paling utama adalah mengurus dan memberi arahan serta mengawasi pengurusan perniagaan dan hal ehwal syarikat tertakluk kepada batasan yang dinyatakan dalam perlembagaan Syarikat. Oleh itu, Lembaga Pengarah harus memantau tindakan dan keputusan yang diambil oleh pengurusan syarikat bagi menjaga kepentingan pihak pemegang saham. Menurut Lily dan Takhiah (2003), syarikat yang mempunyai pengurus yang bertindak sebagai agen kepada pemegang saham yang baik dan cekap akan dapat memenuhi Keperluan Penyenaian. Secara amnya peraturan ini menekankan kepada penyediaan rekod perakaunan yang lengkap dan penyediaan penyata kewangan yang mematuhi standard

perakaunan yang ditetapkan. Oleh demikian ini, dapat mengelakkan syarikat daripada melakukan perkara-perkara yang salah dimana boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan di ambil.

Berdasarkan isu hubungan tindakan penguatkuasaan dengan tadbir urus korporat ke atas syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Maka, kajian ini adalah wajar dan relevan dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah dengan hubungan tadbir urus korporat di syarikat-syarikat patuh syariah. Di dalam melaksanakan tadbir urus korporat yang baik, terdapat beberapa garis panduan yang boleh dirujuk sebagai amalan terbaik seperti Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG), The Green Book dan Chartered Institute of Internal Auditors. Oleh demikian, kajian ini akan melihat peranannya dari aspek saiz lembaga pengarah, kebebasan Lembaga Pengarah, kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah dan penubuhan Jawatankuasa Audit berdasarkan praktis amalan terbaik yang dicadangkan. Hasil dapatan kajian ini penting bagi melihat kesan prestasi syarikat hasil tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah.

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan penguatkuasaan dengan ciri-ciri tadbir urus korporat pada syarikat yang terlibat serta kesan prestasi syarikat pada tahun dikenakan tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah.

## 5. Metodologi kajian

Secara umumnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data kajian adalah dari laman sesawang dan laporan tahunan syarikat dari tahun 2014 hingga 2017. Sehingga bulan April 2018, terdapat 672 atau 74% syarikat patuh syariah di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tetapi kajian ini hanya memilih 10 syarikat patuh syariah tersenarai yang dikenakan teguran awam (Public Reprimand). Dengan menggunakan kaedah pensampelan, pengkaji memilih sebanyak 10 syarikat daripada 74 syarikat yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan terhadap “Public Enforcement on Company or Advisor” dan “Public Enforcement on Director and Individual. Maklumat yang diperolehi dan berkaitan akan disesuaikan dengan objektif kajian. Penulisan maklumat yang diperolehi akan disusun mengikut keutamaan berdasarkan pengesahan data dan sumber maklumat yang diperolehi mengikut Keperluan Penyenarian (Listing Requirement). Kemudian, daripada keseluruhan maklumat yang diperolehi akan diolah untuk membuat rumusan dan cadangan.

Sebanyak 10 syarikat yang terdiri daripada syarikat tersenarai di Pasaran Utama atau Pasaran ACE telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Kajian akan melihat ciri-ciri tadbir urus syarikat dalam tahun dikenakan tindakan penguatkuasaan. Selain itu, ciri-ciri saiz syarikat seperti jumlah aset, jumlah dana pemegang saham dan keuntungan/kerugian syarikat pada tahun dikenakan tindakan penguatkuasaan turut dibuat analisis bagi melihat hubungkait nya dengan peranan ahli lembaga pengarah dan fungsi jawatankuasa audit. Maklumat 10 sampel syarikat adalah seperti berikut:

**Jadual 5. 10 sampel syarikat**

Nama Syarikat	Bilangan Lembaga Pengarah	Ahli Jawatankuasa	Jumlah (RM Juta)		Keuntungan/(Kerugian)
			Dana Pemegang Saham	Aset	
2014					
TH Heavy Engineering Bhd	8	4	425.29	436.06	14.18
Borneo Aqua Harvest Bhd	7	3	92.70	92.78	(16.33)



Komarkcorp Bhd	9	4	469.84	74.65	1.17
2015					
App Asia Bhd.	5	3	25.26	26.56	(3.78)
Benalec Holdings Bhd.	4	3	397.07	554.77	0.13
2016					
Vizione Holdings Bhd	6	3	14.04	13.8	(13.07)
SKP Resources Bhd	6	3	297.93	298.79	74.51
Malaysia Steel Works (KL) Bhd	7	3	551.77	1,289.5	20.14
2017					
SMTrack Bhd	7	3	9.65	10.69	(8.06)
Lay Hong Bhd	10	3	205.38	345.98	3.71

Sumber: Laporan Tahunan Syarikat

## 6. Dapatan kajian

### *Analisis jenis pelanggaran yang dikenakan tindakan*

Berdasarkan analisis terhadap 10 sampel syarikat diatas bagi tahun kajian dilaksanakan, adalah didapati pelanggaran syarikat ke atas lima bahagian (chapter) utama Syarat-syarat Penyeneraian. Secara umumnya kesalahan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat berkenaan seperti berikut:

**Jadual 6. Perenggan di dalam syarat-syarat penyeneraian**

Perenggan di dalam Syarat-syarat penyeneraian	Perkara
2	Syarat Umum(General)
9	Pendedahan Berterusan(Continuing Disclosure)
10	Urusniaga(Transactions)
15	Tadbir Urus Korporat(Corporate Governance)
16	Penggantungan,Nyahsenarai dan Penguatkuasaan(Suspension,

Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan mendapati hampir keseluruhan sampel syarikat terlibat dengan pelanggaran Syarat-syarat Penyeneraian melebihi dari satu kesalahan kecuali TH Heavy Engineering yang melanggar satu syarat sahaja. Oleh demikian, jumlah pelanggaran adalah melebihi sampel. Maklumat syarikat yang terlibat dengan pelanggaran peraturan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia mengikut sub-perenggan dan maklumat terperinci jenis kesalahan yang di ambil tindakan adalah adalah seperti berikut:

**Jadual 7. Analisis ketidakpatuhan**

<b>Sub-Perenggan</b>	<b>Penerangan pelanggaran</b>	<b>Jumlah syarikat</b>
2.18(1)	Kegagalan syarikat untuk memastikan bahawa semua pernyataan maklumat yang dikemukakan atau didedahkan adalah jelas, tepat dan tidak mengelirukan.	3
2.23(1)	Kegagalan syarikat untuk memaklumkan dengan segera kepada Bursa Malaysia tentang sebarang keputusan/hasil daripada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM).	1
9.03(1)	Kegagalan syarikat untuk memaklumkan dengan segera pengumuman awam berkaitan maklumat yang penting dan material. Contoh maklumat yang material dinyatakan seperti di perenggan 9.04.	1
9.04 (b)	Kegagalan syarikat untuk memaklumkan dengan segera pengumuman awam berkaitan maklumat yang penting dan material berkenaan pengambilalihan, kerugian atas kontrak/ francais/ hak pengagihan.	1
9.08(2)	Kegagalan syarikat untuk tidak mendedahkan maklumat yang material kepada individu, pemegang saham, wartawan atau orang lain kecuali maklumat sebelum ini telah didedahkan sepenuhnya kepada Bursa Malaysia.	1
9.08(5)	Kegagalan syarikat untuk mendedahkan maklumat yang material kepada Bursa Malaysia terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, syarikat tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat penting kepada media sehingga ia memberikan maklumat kepada Bursa terlebih dahulu.	1
9.09(1)	Kegagalan syarikat untuk untuk menjelaskan secara terbuka dan mengesahkan maklumat yang material dengan segera sama ada maklumat itu benar atau tidak atau laporan khabar angin sahaja.	1
9.16(1)	Kegagalan syarikat memastikan kandungan pengumuman atau akhbar adalah tepat, jelas, ringkas, tidak mengelirukan dan cukup bagi membolehkan pelabor membuat keputusan pelaburan.	5
9.19(2)	Kegagalan syarikat untuk membuat pengisytiharan dividen atau pengedaran tentang jumlah setiap saham, cara pengisytiharan dan perbezaan di antara interim dan final dividend	1
9.22(1)	Kegagalan syarikat melaporkan laporan kewangan interim kepada Bursa Malaysia tidak lewat daripada dua bulan selepas berakhir setiap sukuan.	2
9.23	Kegagalan syarikat mengemukakan laporan tahunan yang terdiri daripada penyata kewangan beraudit, laporan juruaudit, dan laporan pengarah dalam tempoh 4 bulan dari tarikh penyata	3

	kewangan syarikat.	
10.08 (6)	Kegagalan seorang pengarah yang mempunyai kepentingan, langsung atau tidak langsung, untuk terlibat dalam keputusan dimana pengarah itu mempunyai kepentingan dengan transaksi berkenaan.	1
10.08 (8)	Kegagalan pengarah yang mempunyai kepentingan untuk memaklumkan kepada Lembaga Pengarah yang meluluskan transaksi tentang butiran tahap kepentingannya termasuk semua perkara berhubung dengan urus niaga.	1
15.12(1)	Kegagalan syarikat untuk memastikan Ahli Jawatanluasa Audit untuk memantau dan melaporkan kepada ahli lembaga pengarah berkenaan skop, fungsi, dan fungsi audit dalaman dan semua perkara berkaitan urusan pengauditan	1
15.27(1)	Kegagalan syarikat untuk memastikan fungsi Audit Dalaman di laksanakan di syarikat	2
16.13	Kegagalan pengarah, syarikat pengurusan atau pengurus pemegang amanah untuk mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian yang ditetapkan.	3

Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia

Berdasarkan Jadual 7 di atas, menunjukkan sebahagian besar pelanggaran yang dibuat oleh syarikat yang dianalisis adalah melibatkan sub-perenggan 9.16 (1) yakni 5 daripada 10 syarikat tidak mematuhi peraturan ini. Peraturan yang terlibat adalah kegagalan syarikat memastikan kandungan pengumuman awam atau akhbar adalah tepat, jelas, ringkas, tidak mengelirukan dan cukup bagi membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan. Adalah didapati kebanyakan syarikat mendedahkan maklumat yang tidak tepat apabila mengeluarkan laporan sukuan tahunan. Selain daripada diambil tindakan penguatkuasaan, Bursa Malaysia turut menyarankan agar pihak syarikat mengkaji semula bagi memastikan kecukupan dan keberkesanan fungsi pelaporan kewangan pada penyerahan laporan suku tahunannya. Maklumat yang tidak tepat ini dapat menggambarkan tentang keberkesanan pemantauan oleh Lembaga Pengarah dalam memastikan maklumat-maklumat yang didedahkan adalah berkualiti dan tepat.

Kajian oleh Lily Marlina dan Takiah (2003) menyatakan bahawa maklumat syarikat yang dilaporkan dengan tepat dan berkualiti pada laporan tahunan akan mempengaruhi pelabur -pelabur untuk membuat keputusan pelaburan yang baik. Hasil kajian ini mendapati salah satu ciri utama syarikat yang akan mempengaruhi secara signifikan kualiti maklumat oleh syarikat ialah keuntungan syarikat. Keuntungan yang tinggi akan mendorong pihak pengurusan melaporkan semua maklumat-maklumat yang material secara tepat di dalam laporan tahunannya. Syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan prestasi yang baik cenderung untuk melaporkan maklumat berkualiti berbanding syarikat yang mengalami kerugian. Ini adalah kerana maklumat ini membolehkan para pelabur menyelaraskan pendapatan sepanjang tempoh perakaunan dan membuat keputusan mengenai komposisi portfolio pelaburan. Namun begitu, dapatan kajian berdasarkan semakan terhadap prestasi 5 syarikat yang melakukan kesalahan dibawah sub-perenggaan ini adalah merupakan syarikat yang merekodkan keuntungan dan kerugian. Sebanyak 3 syarikat merekodkan keuntungan di antara RM1.17 juta hingga RM14.8 juta dan 2 syarikat direkodkan mengalami kerugian antara RM3.78 juta hingga RM13.07 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual dibawah:

**Jadual 8. Maklumat prestasi syarikat yang tidak mematuhi syarat penyenaian di bawah sub-perenggan 9.16 (1)**

<b>Nama syarikat</b>	<b>Prestasi kewangan, keuntungan/(kerugian), (RM Juta)</b>
Komarkcorp Bhd	1.17
Lay Hong Bhd	3.71
TH Heavy Engineering Bhd	14.18
App Asia Bhd.	(3.78)
Vizione Holding Bhd	(13.07)
Komarkcorp Bhd	1.17

Sumber: Laporan Tahunan Syarikat

Bagi kesalahan pelanggan peraturan sub-perenggan 9.16(1) ini, Bursa Malaysia telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah. Tindakan penguatkuasaan bagi setiap kesalahan yang dilakukan adalah berbeza-beza. Antara tindakan yang dikenakan adalah antara teguran awam (public reprimand) dan denda di antara RM10,000 hingga RM510,000. Berdasarkan teori agensi menyatakan syarikat yang mengeluarkan maklumat yang tidak berkualiti akan mewujudkan konflik di antara agen/ pengurus dengan pemegang saham. Ini boleh menyebabkan berlakunya peningkatan kos agensi (Lily & Takiah, 2003).

Bagi contoh kes-kes selain daripada syarikat tersenarai adalah syarikat 1MDB. 1MDB telah menyerahkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2010 hingga 2014 kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagaimanapun penyata kewangan yang dihasilkan bagi tempoh ini adalah unqualified with emphasis of matter. (Malaysian Accounting Case Studies, 2017) Ini adalah kerana juruaudit bertanggungjawab antaranya tidak melakukan prosedur audit yang diperlukan untuk memastikan kesesuaian klasifikasi dan menilai pelaburan dana hedge/hybrid dan tidak upaya memastikan sama ada asas penilaian pelaburan itu berdasarkan International Financial Reporting Standards (IFRS) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) serta maklumat-maklumat penting dikemukakan secara lisan tanpa mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan (Laporan PAC Parlimen, 2016).

Selain daripada pelanggaran sub-perenggan 9.16(1), antara pelanggaran bagi peraturan penyenaian yang besar adalah bagi sub-perenggan 9.23. Didapati 3 daripada 10 syarikat melakukan kesalahan ini di mana syarikat telah gagal untuk mengemukakan laporan tahunan yang mengandungi penyata kewangan yang diaudit, laporan juruaudit dan laporan pengarah dalam tempoh 4 bulan dari tarikh penyata kewangan syarikat. Tempoh kelewatan penyerahan laporan tahunan adalah antara 29 hingga 37 hari. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

**Jadual 9. Maklumat prestasi syarikat yang tidak mematuhi syarat penyenaian di bawah sub-perenggan 9.23**

<b>Nama Syarikat</b>	<b>Tarikh akhir penyerahan laporan mengikut bursa (a)</b>	<b>Tarikh penyerahan laporan oleh syarikat (b)</b>	<b>Kelewatan (hari) (a-b)</b>
Vizione Holding Bhd	30 April 2015	30 Mei 2015	29 hari
Malaysia Steel Works (KL) Bhd	31 Mei 2015	9 Julai 2015	37 hari
SM Track Bhd	30 Nov 2016	29 Nov 2016	30 hari

Sumber: Laporan Tahunan Syarikat

Antara sebab kelewatan syarikat mengemukakan laporan tahunan dalam tempoh yang ditetapkan adalah kerana kebebasan Ahli Lembaga Pengarah (Shamsul Nahar:2004). Kebebasan adalah merujuk kepada komposisi bilangan Ahli Lembaga Pengarah Bebas melebihi Bukan Bebas yang menganggotai Lembaga Pengarah Syarikat. Semakan lanjut mendapati hanya satu syarikat iaitu Malaysia Steel Works (KL) Bhd mempunyai komposisi bilangan Ahli Lembaga Pengarah Bebas melebihi Bukan Bebas. Manakala baki 2 syarikat lagi mempunyai komposisi bilangan Ahli Lembaga Pengarah Bukan Bebas melebihi ahli Bebas atau sama banyak status keahliannya. Bagi kesalahan pelanggaran peraturan sub-perenggan 9.23 ini, Bursa Malaysia telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah. Tindakan penguatkuasaan bagi setiap kesalahan yang dilakukan adalah teguran awam (public reprimand) dan denda di antara RM43500 hingga RM510,000.

Perkara lain yang juga turut dikenakan tindakan penguatkuasaan adalah dibawah sub-perenggan 15.27 (1) iaitu kegagalan syarikat untuk memastikan fungsi Audit Dalaman di laksanakan di syarikat. Fungsi dan peranan Audit Dalaman dalam syarikat tersenarai adalah diberi penekanan oleh Bursa Malaysia. Audit Dalam berperanan bagi menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia juga membantu Jawatankuasa Audit dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus (Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, 2017). Semakan mendapati 2 syarikat yang terlibat didalam pelanggaran sub-perenggan ini. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

**Jadual 10. Maklumat prestasi syarikat yang tidak mematuhi syarat penyenaian di bawah sub-perenggan 15.27**

<b>Nama Syarikat</b>	<b>Penerangan oleh Bursa Malaysia</b>
Vizione Holding Bhd	Vizione had failed to establish an internal audit function during the financial year ended 31 December 2011 and 31 December 2012 (FYE 2011 and FYE 2012) until the appointment of a new internal auditor on 15 March 2013.
Borneo Aqua Harvest Bhd	BAHVEST had failed or failing to establish an internal audit function which was independent of the activities it audits since April 2010 until December 2012.

Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia

Analisis selanjutnya mendapati kedua-dua syarikat syarikat di atas yang tidak menubuhkan Unit Audit Dalaman atau menjalankan aktiviti audit dalaman memperoleh kerugian masing-masing berjumlah RM13.07 juta dan RM16.33 juta pada tahun dikenakan tindakan penguatkuasaan. Disamping itu juga, didapati kedua-dua syarikat ini melakukan pelanggaran peraturan yang paling banyak di antara 3 hingga 5 sub-perenggan yang terlibat. Selain daripada itu, semakan pengkaji juga terhadap isu-isu pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan (syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan) yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Adalah di dapati isu-isu tadbir urus berkaitan tiada penubuhan Audit Dalaman di syarikat-syarikat Kerajaan telah memberi kesan kepada aktiviti syarikat untuk dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan. Seperti yang dilaporkan di dalam LKAN iaitu syarikat Al Hijrah Media Corporation dan Crudle Fund Sdn.Bhd yang tidak menubuhkan Unit Audit Dalam telah memberi kesan yang kurang memuaskan terhadap prestasi kewangan dan pencapaian aktiviti syarikat.

Sub-perenggan lain yang turut melibatkan pelanggaran oleh syarikat-syarikat ialah 2.18(1) iaitu kegagalan syarikat untuk memastikan bahawa semua penyataan maklumat yang dikemukakan atau didedahkan adalah jelas, tepat dan tidak mengelirukan. Manakala sub-perenggan 9.22(1) melibatkan syarikat yang melaporkan laporan kewangan interim kepada Bursa Malaysia tidak lewat daripada dua bulan selepas berakhir setiap sukuan. Ketidakupayaan syarikat bagi mematuhi peraturan yang di tetapkan

menunjukkan fungsi dan peranan ahli lembaga pengarah tidak dilaksanakan dengan baik untuk membuat pemantauan dan memastikan syarikat patuh terhadap tempoh masa yang ditetapkan oleh Bursa. Perkara ini boleh menyebabkan risiko pelabur membuat keputusan dan penilaian yang tidak tepat terhadap pelaburan syarikat kerana tidak mendapat maklumat yang material.

Satu lagi sub-perenggan yang melibatkan integriti, etika dan akauntibiliti Ahli Lembaga Pengarah dalam melaksanakan fungsinya adalah 10.08 (6) dan 10.08(8). Berdasarkan semakan kes yang dikenakan tindakan penguatkuasaan mendapati sebuah syarikat iaitu Benalec Holdings Bhd telah melanggar peraturan ini telah didapati 3 orang Ahli Lembaga Pengarah syarikat telah gagal untuk memaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah yang lain bahawa mereka mempunyai kepentingan (related party transaction) di atas transaksi penjualan tanah yang dibuat oleh syarikat. Dalam kes ini, pihak Bursa Malaysia memandang berat dan serius kerana ia boleh menjejaskan kepentingan pemegang saham (Bursa Malaysia, 2018). Oleh demikian, ketiga-tiga Ahli Lembaga Pengarah telah dikenakan tindakan teguran awam dan denda berjumlah RM100,000 seorang.

Bagi sub-perenggan lain, pelanggaran Syarat-syarat Penyenaian dilakukan oleh syarikat dan dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Bursa Malaysia. Ini adalah satu inisiatif yang di ambil oleh Bursa Malaysia bagi pemerkasaan pelabur dan melindungi hak pelabur.

#### ***Analisis terhadap hubungan tadbir urus dengan tindakan penguatkuasaan***

Analisis dilaksanakan untuk melihat hubungan ciri-ciri tadbir urus dengan tindakan penguatkuasaan. Ciri-ciri tadbir urus yang dilihat adalah dari dua aspek iaitu Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit. Ciri-ciri bagi Lembaga Pengarah adalah saiz Lembaga Pengarah, kebebasan Lembaga Pengarah dan kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah. Manakala ciri-ciri bagi Jawatankuasa Audit ialah kebebasan Jawatankuasa Audit dan kepakaran Jawatankuasa Audit. Tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap syarikat-syarikat adalah kerana pelanggaran kepada Syarat-syarat Penyenaian yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dilaksanakan mendapati antara sebab utama berlaku pelanggaran peraturan ini kerana amalan tadbir urus yang kurang baik oleh syarikat. Maklumat bagi ciri-ciri tadbir urus oleh 10 sampel syarikat yang dipilih adalah seperti berikut:

**Jadual 11. Maklumat tadbir urus bagi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit**

Nama Syarikat		Komposisi Ahli Lembaga Pengarah		Bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah (tahun)	Jawatankuasa Audit				
		Ind.	Non-Ind.		Bil. ahli	Status pengerusi	Ind.	Non-Ind.	Kepakaran
<b>2014</b>									
TH Heavy Engineering Bhd.		5	3	5	4	Non-Ind.	3	1	Keahlian MIA
Borneo Aqua Harvest Bhd.		3	4	6	3	Independent	3	-	Keahlian MIA
Komarkcorp Bhd.		3	6	7	4	Non-Ind.	4	-	Keahlian MIA
<b>2015</b>									
App Bhd	Asia	2	3	5	3	Independent	2	1	Keahlian MIA
Banalec Holding		3	1	11	3	Independent	3	-	Keahlian MIA

Bhd.								
2016								
Vizione Holding Bhd.	3	3	6	3	Independent	3	-	Keahlian MIA
SKP Resource Bhd.	3	3	5	3	Non-Ind.	3	-	Keahlian MIA
Malaysia Steel Works (KL) Bhd.	4	3	5	3	Independent	3	-	Keahlian MIA
2017								
SMTrack Bhd.	3	4	6	3	Non-Ind.	3	-	Keahlian MIA
Lay Hong Bhd.	3	7	8	3	Non-Ind.	3	-	Keahlian MIA

Sumber: Laporan Tahunan Syarikat

- Nota: 1) Ind: Independent  
 2) Non-Ind.: Non-Independent  
 3) MIA: Malaysia Institute of Accountants

### ***Ciri-ciri Lembaga Pengarah***

#### **Saiz lembaga pengarah**

Saiz Lembaga Pengarah adalah merujuk kepada bilangan ahli dalam Lembaga Pengarah bagi sesebuah syarikat. Garis panduan oleh Bursa Malaysia tidak menetapkan sebarang saiz yang ideal bagi bilangan keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah. Disamping itu juga, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2017) tidak menetapkan saiz bilangan Lembaga Pengarah yang paling sesuai. Bagaimanapun panduan yang dikeluarkan oleh Putrajaya Committee on High Performance GLC melalui Green Book, Enhancing Board Effectiveness menyarankan Ahli Lembaga Pengarah di syarikat berkaitan Kerajaan mestilah tidak melebihi daripada 10 orang. Saiz Lembaga Pengarah ini adalah penting kerana setiap Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan semua peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan industri yang mengawal selia operasi perniagaan dipatuhi sepenuhnya termasuk Syarat-syarat Penyenaraian yang ditetapkan.

Dapatan kajian lepas yang dilaksanakan berkenaan saiz Lembaga Pengarah yang sesuai dan ideal juga adalah berbeza-beza. Menurut Frederick D.Lipman didalam buku Corporate Governance Best Practice (2006) menyatakan the rules of thumb bagi saiz Lembaga Pengarah yang terbaik adalah tidak kurang daripada 4 dan tidak lebih daripada 10. Ini kerana saiz Lembaga Pengarah yang besar akan mengurangkan keberkesanan fungsi Lembaga Pengarah. Zaini & Ruhaznawati (2017) berpendapat saiz Lembaga Pengarah yang lebih kecil akan dapat memastikan kawalan melalui perbincangan, pertukaran maklumat dan penetapan objektif yang lebih berkesan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan hubungkait di antara saiz Lembaga Pengarah dengan tindakan penguatkuasaan akibat daripada pelanggaran peraturan penyenaraian bagi 10 sampel syarikat adalah tidak sama atau tidak konsisten. Adalah didapati bilangan Ahli Lembaga Pengarah bagi 10 syarikat terlibat adalah di antara 4 hingga 10 orang iaitu merupakan saiz yang ideal dan selari dengan cadangan oleh amalan terbaik (best practise) yang diguna pakai serta dapatan kajian-kajian lepas. Namun begitu, syarikat-syarikat berkenaan masih tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Analisis seterusnya, dapati pelanggaran peraturan oleh syarikat dibawah sub-perenggan 9.16 (1) adalah dianggotai oleh bilangan Ahli Lembaga Pengarah seramai 5 hingga 10 orang. Sub-perenggan ini adalah

merujuk kepada kegagalan syarikat untuk memastikan kandungan pengumuman awam atau akhbar adalah tepat, jelas, ringkas, tidak mengelirukan dan cukup bagi membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan. Di samping itu, terdapat pelanggaran sub perenggan lain juga yang dilakukan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**Jadual 12. Jenis-jenis kesalahan mengikut sub-perenggan**

<b>Nama syarikat</b>	<b>Bil. Ahli Lembaga Pengarah</b>	<b>Bilangan kesalahan</b>	<b>Jenis kesalahan di bawah sub-perenggan</b>
App Asia Bhd	5	4	2.18(1)-2.23(1)-9.09(1)-9.16(1)
Vizione Holding Bhd	6	5	2.18(1)-9.16(1)-9.23-15.12(1)-15.27(1)
TH Heavy Engineering Berhad	8	1	9.16(1)
Komarkcorp Berhad	9	1	9.16(1)
Lay Hong Berhad	10	2	9.16(1) - 9.19(2)

Sumber: Laman Sesawang Bursa Malaysia

### **Kebebasan lembaga pengarah**

Pengarah Bebas (Independent Director) adalah merujuk kepada individu yang tidak mempunyai sebarang hubungan perniagaan atau kekeluargaan yang boleh membawa kepada wujudnya konflik kepentingan (Roslina, Selamat & Norman,2015). Didalam sesebuah syarikat, semakin ramai bilangan Pengarah Bebas berbanding jumlah Ahli Lembaga Pengarah, ia menunjukkan tahap kebebasan Lembaga Pengarah yang lebih tinggi. Antara dapatan kajian oleh Roslina, Selamat & Norman (2015) menyatakan bahawa pengarah bebas yang memegang kepengarahan firma akan meningkatkan nilai firma dan kualiti keputusan yang dibuat.

Nor Haiza, Takiah & Norman (2006) menyatakan kehadiran pengarah luar yang bebas membolehkan pendedahan maklumat syarikat yang lebih telus. Peningkatan ketelusan ini dicapai kerana pengarah luar yang bebas dapat melaksanakan tugas pemantauan dengan lebih objektif dan mengutamakan kepentingan pemilik syarikat dan pihak lain. Semakin besar peratusan pengarah bebas, semakin berkesan syarikat untuk mengawal dan menghadkan manipulasi perolehan. Berdasarkan kajian terdahulu yang berpandukan kepada teori agensi telah membuktikan bahawa kehadiran pengarah bebas di dalam syarikat dapat memberi kesan positif kepada tadbir urus korporat syarikat seterusnya mampu menghasilkan keputusan yang tepat dan objektif

Para 15.02, Composition of the Board of Director, Bursa Malaysia menghendaki Ahli Lembaga Pengarah di syarikat tersenarai mestilah sekurang-kurangnya 2 orang atau 1/3 daripada jumlah Ahli Lembaga Pengarah, yang lebih tinggi adalah bebas. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2017) menetapkan sekurang-kurangnya separuh daripada Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas. Bagi Syarikat Besar, majoriti Ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas. Dengan mengambilkira peranan dan tanggungjawab oleh pengarah bebas yang lebih ramai di dalam syarikat, ia akan dapat memastikan tiada kesalahan yang material sehingga di ambil tindakan penguatkuasaan.

Berdasarkan analisis keahlian pengarah bebas terhadap 10 sampel syarikat mendapati kebebasan Ahli Lembaga Pengarah dengan tindakan penguatkuasaan adalah tidak selari dan tiada hubungkait yang positif. Adalah didapati 5 syarikat yang mempunyai majoriti atau sekurang-kurang 2 orang Pengarah Bebas telah melakukan kesalahan peraturan. Perkara ini kemungkinan disebabkan oleh Pengarah Bebas dalam syarikat berkenaan kurang memainkan peranan yang berkesan atau kurang pengalaman dan



kompetensi untuk mengenal pasti tentang risiko semasa serta cabaran yang dihadapi oleh syarikat. Semakan lanjut mendapati sebanyak 4 daripada 5 syarikat di atas dipengerusikan oleh Pengarah Bebas dan hanya satu syarikat oleh pengarah bukan bebas. Manakala baki 5 syarikat lagi mempunyai bilangan keahlian pengarah bukan bebas yang lebih ramai berbanding pengarah bebas. Adalah didapati komposisi ini tidak sama atau bertentangan dengan cadangan keahlian Lembaga Pengarah Bebas oleh Bursa Malaysia.

6.3.3 Keperluan Mesyuarat Lembaga Pengarah

Bursa Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2017) tidak menyatakan tentang kekerapan syarikat bagi mengadakan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Namun begitu kekerapan mesyuarat dalam setahun dan kehadiran Ahli Lembaga Pengarah perlu dinyatakan didalam laporan tahunan. Berdasarkan Green Book: Enhancing Board Effectiveness, menyarankan kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara purata antara 6 hingga 8 kali setahun berdasarkan keperluan persekitaran perniagaan dan pembangunan syarikat. Kekerapan mengadakan mesyuarat akan membolehkan Ahli Lembaga Pengarah syarikat menentukan dasar dan operasi syarikat dengan lebih berkesan, memastikan pengurusan syarikat melaksanakan segala dasar dan peraturan yang ditetapkan serta membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat dari semasa ke semasa. Melalui mesyuarat Lembaga Pengarah, setiap Ahli Lembaga Pengarah dapat memberi pandangan, nasihat dan penjelasan yang profesional serta akses penuh terhadap perkaraperkara khusus dalam agenda mesyuarat.

Sebagai amalan terbaik, kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah adalah berdasarkan kitaran audit dan masa penyata kewangan hendak diluluskan iaitu sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Secara amnya bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah mempunyai hubungan positif dengan mesyuarat jawatankuasa audit. Bilangan mesyuarat akan lebih tinggi bagi syarikat yang melaksanakan aktiviti perniagaan yang besar dan kompleks (Sharifa et al., 2011).

Hasil analisis mendapati kekerapan mesyuarat lembaga pengarah adalah mempunyai hubungan yang positif dengan tindakan penguatkuasaan yang dikenakan. Semua syarikat mengadakan mesyuarat lembaga pengarah antara 5 hingga 11 kali setahun pada tahun teguran awam dikenakan kepada syarikat. Keputusan ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Zaini and Rahaznawati (2017) yang mendapati kekerapan mesyuarat lembaga pengarah adalah tinggi pada syarikat yang melakukan kesilapan bagi membincangkan untuk mengatasi masalah yang berlaku.

#### **Keberkesanan struktur jawatankuasa audit**

Secara perundangan, Jawatankuasa Audit ditubuhkan untuk membantu lembaga pengarah mengurus risiko syarikat kerana pengurusan risiko adalah salah satu komponen penting dalam kawalan dalaman syarikat. Skop tugas Jawatankuasa Audit termasuk juga kawalan aktiviti syarikat, kawalan proses komunikasi dan maklumat, pemantauan terhadap kecukupan dan integriti keseluruhan sistem kawalan dalaman syarikat serta mengurus dan memantau pengurusan risiko syarikat (Maizatulakma & Zaleha, 2016). Sehubungan dengan itu, Bursa Malaysia menghendaki setiap syarikat tersenarai menubuhkan Unit Audit Dalaman bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus .

Bagi mewujudkan Jawatankuasa Audit yang berkesan dan bebas, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2017) mencadangkan agar pengerusi Jawatankuasa ini bukan Pengerusi Lembaga Pengarah. Bursa Malaysia menetapkan Jawatankuasa Audit mempunyai keahlian tidak kurang dari 3 ahli, majoriti semua ahli jawatankuasa terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dan bebas serta sekurang-kurangnya seorang ahli yang berdaftar dengan Malaysian Institute of Accountants (MIA). Ahli Jawatankuasa yang mempunyai pengetahuan tentang hal-ehwal kewangan membolehkannya menjalankan fungsi jawatankuasa dengan lebih baik terutamanya untuk memahami fundamental financial statements, menyemak penyata akaun tahunan dan memastikan penyata akaun yang dibentangkan adalah adil dan saksama. Pengetahuan

dan pengalaman dalam bidang perakaunan, kewangan dan pengauditan dapat membantu jawatankuasa memastikan syarikat mematuhi peraturan yang ditetapkan (Nor Haiza, Takiah & Norman, 2006)

Menurut kajian Zirawati, Azlina & Norida (2015), jawatankuasa audit yang berkesan terdiri daripada mereka yang berpengetahuan, mahir dan berpengalaman serta komited dengan peranan dan tanggungjawab yang dimandatkan bagi memastikan pencapaian ke arah meningkatkan akauntibiliti pengurusan kewangan. Oleh demikian, ahli jawatankuasa audit yang berpengetahuan dan berpengalaman, akan dapat memastikan aktiviti syarikat dibuat dengan lebih berkesan dan risiko pelanggaran peraturan adalah sangat minimum.

Hasil dapatan analisis mendapati fungsi jawatankuasa audit telah dilaksanakan bagi 8 syarikat sebelum tahun 2014 manakala 2 syarikat lagi iaitu Vizione Holding Bhd dan Borneo Aqua Harvest Bhd hanya mula menubuhkan Audit Dalaman mulai tahun 2014 selepas dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Bursa Malaysia. Analisis mendapati penubuhan Jawatankuasa Audit di 10 syarikat telah dipengerusikan oleh pengarah bebas dan hampir keseluruhan Ahli Jawatankuasa Audit bagi setiap syarikat terdiri daripada pengarah bebas. Di samping itu, semua syarikat mempunyai Ahli Jawatankuasa yang berdaftar dengan badan profesioanal tempatan seperti MIA atau sekurangnya-kurangnya mempunyai 3 tahun pengalaman selepas lulus peperiksaan profesional dan menjadi sebuah badan profesional yang diiktiraf.

Bagaimanapun hasil analisis mendapati kebebasan dan kepakaran Ahli Jawatankuasa Audit yang tinggi adalah tidak konsisten dan tidak mempunyai hubungan yang positif dengan tindakan penguatkuasaan. Ini bermakna, walaupun syarikat mempunyai kebebasan dan kepakaran Ahli Jawatankuasa Audit yang baik dan lengkap tetapi ianya masih gagal untuk memastikan tiada berlaku pelanggaran terhadap Syarat-syarat Penyenaraian. Perkara ini mungkin disebabkan oleh pemantauan yang kurang berkesan oleh jawatankuasa audit bagi memastikan semua isu kewangan dan perakaunan yang dilaporkan kepada jawatankuasa audit telah diambil tindakan pembedulan dan penambahbaikan dengan memuaskan serta memperakukan tindakan susulan. Perkara ini adalah menyokong hasil responden dalam kajian oleh Zirawati, Azlina & Norida (2015). Hasil kajian ini memperolehi skor yang paling minimum berbanding skor-skor yang lain bagi pernyataan bahawa penubuhan jawatankuasa audit dapat meningkatkan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan sedia ada, serta mengurangkan isu-isu berbangkit melalui tindakan pembedulan/penambahbaikan yang berterusan.

## **7. Kesimpulan**

Berdasarkan analisis yang dilaksanakan menunjukkan pelanggaran terhadap Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia mempunyai hubungkait sama ada secara langsung atau tidak dengan ciri-ciri tadbir urus korporat yang dipatuhi oleh setiap syarikat. Hasil keputusan analisis bagi menunjukkan hubungkait ciri Lembaga Pengarah iaitu saiz lembaga pengarah, kebebasan dan kekerapan mesyuarat dengan tindakan penguatkuasaan adalah bercampur. Bagi saiz dan kebebasan Lembaga Pengarah menunjukkan hasil analisis yang tidak selari dengan dapatan kajian terdahulu dan cadangan amalan terbaik (best practices). Manakala hasil bagi kekerapan mesyuarat adalah positif dan selari seperti dapatan kajian terdahulu dan cadangan amalan terbaik. Dapatan ini bermakna kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah akan mewujudkan risiko yang rendah untuk syarikat membuat pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian. Selain itu, hasil keputusan analisis bagi menunjukkan hubungkait keberkesanan struktur Jawatankuasa Audit iaitu kebebasan dan kepakaran ahli Jawatankuasa Audit. Dapatan analisis ini menunjukkan hubungan yang tidak selari dengan dapatan kajian yang lepas serta cadangan amalan terbaik yang dikemukakan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2017). Ini memberi satu petunjuk bahawa kebebasan dan kepakaran Ahli Jawatankuasa Audit tidak memberi kesan yang signifikan terhadap pematuhan peraturan yang ditetapkan.

Bagi kes pelanggaran undang-undang yang serius, individu akan didakwa atas kesalahan-kesalahannya. Pada masa yang sama, penalti telah dilaksanakan sebagai hukuman keatas pesalah. Tindakan penguatkuasaan ini dilihat sebagai satu proses memberi pengajaran supaya stakeholders dalam industri ini sentiasa mematuhi peraturan. Tindakan hukuman ini sama ada secara langsung atau tidak mempunyai hubungkait dengan ciri-ciri tadbir urus korporat. Di dalam perkara ini, Bursa Malaysia mempunyai kuasa perundangan untuk mengambil tindakan terhadap pengarah di bawah Akta Syarikat 1965 termasuk Seksyen 132 (1A) Akta Syarikat, yang diperolehi daripada keputusan mahkamah bagi perundangan dan amalan terbaik yang ditetapkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Ini adalah kerana seseorang ahli lembaga pengarah mempunyai tanggungjawab yang berterusan untuk memastikan mereka memperoleh dan mengekalkan pengetahuan yang mencukupi dan memahami perniagaan syarikat untuk memastikan mereka melaksanakan tugas sebagai pengarah dengan betul (Bursa Malaysia,2018).

## Rujukan

- A.M Hafizi, S.Shahida & Aisyah Abdul-Rahman. (2012). Pasaran Wang dan Modal: Perspektif Malaysia. Institut Kewangan dalam Pasaran Modal (Bangi: Pusat Penyelidikan Ekonomi & Kewangan Islam (EKONIS-UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia), 312-326.
- Eugene F. Fama. (2016). Agency problem and the theory of the firm. *Journal of political Economics*, 88(2), 288-307.
- Frederick D.L.Keith Lipman. (2006). Corporate Governance Best Practices: Strategies for Public, Private and Not Profit Organizations. (US: John Wiley & Sons, Inc), 14-15.
- International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA). (2015). Islamic Capital Market: Principles & Practices. Governance Framework for the Islamic Capital Market. (Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia).
- Lily Marlina Ab Manan & Takiah Mohd Iskandar. (2003). Kualiti pelaporan maklumat syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur. *Journal Pengurusan*, 22,27-45.
- Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara. (2016). Kawalan Pengurusan 1 Malaysia Development Bhd., 58.
- Mak Yuen Teen. (2012). Corporate Governance Case Studies, 6-193.
- Mahmoud M. Nourayi. (1994). Stock Price Responses to the SEC's Enforcement Action. *Journal of Accounting and Public Policy*, 13, 333-347.
- Maizatulkama Abdullah & Zaleha Abdul Shukor. (2016). Peranan Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Dalam Mempengaruhi Pendedahan Maklumat Sukarela Pengurusan Risiko. 8th international Management and Accounting Conference(IMAC8).
- Nor Haiza Abd Aziz, Takiah Mohd. Iskandar & Norman Mohd Saleh. (2006). Pengurusan Perolehan: Peranan Kualiti Audit Dan Urus Tadbir Korporat, *IJMS 13(Special issue)*, 163-188.
- Nourayi,M.M. (1994). Stock price responses to SEC's enforcement actions. *Journal of Accounting and Public Policy*, 13(4), 333-347.
- RenÉe B, Adams, Benjamin E, Hermalin, Michael S., & Weisbach. (2010). The role of board of directors in corporate governance: A conceptual framework and survey. *Journal of Economic Literature*, 48(1), 58-107.
- Roslina Yati Mansor, Selamat Kundari & Norman Mohd Saleh. (2015). Hubungan Saling Pengaruh Lembaga Pengarah dan Prestasi Firma: Perspektif Rangkaian Sosial. Kualiti Pelaporan Maklumat Syarikat-Syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur. *Jurnal Pengurusan*, 22, 27-45.
- Shamsul Nahar Abdullah. (2004). Board Composition, CEO Duality and Performance Among Malaysian Listed Company. *The International Journal Business of Society*, 4(4), 47-61.
- Sharifah Buniamin, Bakhtiar Alrazi, Nor Hasimah Johari & Noor Raida Abd Rahman. (2011). Corporate Governance Practices and Environmental Reporting of Companies in Malaysia: Finding Possibilities of DoubleThumbs Up. *Jurnal Pengurusan*, 32, 55 – 71.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2014). Melindungi Pelabur Kami Melalui Penguatkuasa dan pendidikan.

Laporan Tahunan, 49-59.

Theodore Eisenberg, Stefan Sundgren & Martin T Well. (1998). Larger Board Size and Decreasing Firm Value in Small Firm. *Journal of Financial Economics*, 48, 35-54.

Tim Lohse, Razvan Pascalau & Chistian Thomann. (2014). Public enforcement of securities market rules: Resource-based evidence from the Securities and Exchange Commission. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 106, 107-212.

Zaini Embong & Ruhaznawati Md Radzi. (2017). Public Reprimand and Corporate Governance. Global Conference on Business and Economics Research, 220-229.

Zarina Z, Noor Adwa S, Anna Azriari C.A & Zamzulaila Z. (2017). Malaysian Accounting Case Studies. (Kuala Lumpur: University of Malaya Press), 22-27.

Zirawati Kadir, Azlina Ahmad & Norida Basnan. (2015). Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus Kerajaan. Prosiding Perkem 10, 196 – 204.

Laman sesawang Bursa Malaysia, <http://www.bursamalaysia.com> (diakses 3 April 2018)

Laman sesawang Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017.<https://www.sc.com.my/>(diakses 3 April 2018)

Laman sesawang Singapore Exchange, <http://www.sgx.com> (diakses 4 April 2018).

Laman sesawang Suruhajaya Sekuriti Malaysia, <http://www.sc.com.my> (diakses 3 April 2018).

Laman sesawang Utusan Online, <http://www.utusan.com.my> (diakses 5 April 2018).